

Internet of Things (IoT)

Apa itu Internet of Things (IoT)?

"Internet of Things" atau pun lebih mudah dikenali sebagai IoT merupakan topik yang sering menjadi bualan sekarang. Ianya merupakan satu konsep yang mempunyai potensi dalam mempengaruhi bagaimana kita hidup dan juga bagaimana kita bekerja. Tetapi apakah sebenarnya "Internet of Things" dan bagaimana ianya memberi kesan kepada kita?

Things
(Sensors & Actuators)

Connectivity



Data



Analytics

Komponen Internet of Things (IoT)

IoT merujuk kepada pelbagai objek yang kini dihubungkan dengan capaian Internet bagi tujuan mengumpul dan berkongsi data. Sesuatu objek diubah suai dan dipasang dengan sensor, perisian dan teknologi lain bagi membolehkan sesuatu ianya berhubung/berkomunikasi dengan objek yang lain. Dengan terciptanya cip komputer yang murah dan teknologi rangkaian tanpa wayar (WiFi) membolehkan kita mengubah/menginovasi objek sekecil pill dan sebesar kapal terbang, menjadi sebahagian daripada IoT.

IoT boleh disimpulkan sebagai satu rangkaian gergasi dengan benda (things) yang terhubung termasuk manusia (pengguna).

Apa contoh perkakasan/peranti IoT?

Sebarang objek yang boleh dihubungkan dengan rangkaian Internet atau menjadi sebahagian daripada mesin yang berhubung dengan Internet, dan ada pemindahan data, ia dikategorikan sebagai IoT. Ini termasuklah kamera, lampu, pembancuh kopi, mesin basuh, telefon, smartwatch, alat sensor cahaya dan bunyi, palang dan pagar rumah, CCTV dan pelbagai lagi.


Mari kita lihat beberapa contoh di mana konsep IoT digunakan:

- Pagar rumah apabila dipasang peranti untuk mengesan buka dan tutup pintu, dan peranti tersebut penghantar notifikasi ke telefon apabila pintu dibuka atau ditutup.
- Kamera CCTV rumah mengesan pergerakan (motion detection) dan menghantar gambar yang diambil kepada tuan rumah.
- Rantai haiwan peliharaan yang dipasang penjejak GPS, bagi menjejak lokasi haiwan peliharaan dengan menggunakan aplikasi di telefon. Sistem yang lebih canggih, notifikasi dihantar apabila haiwan peliharaan keluar daripada radius kawasan yang ditetapkan.

Bagaimana IoT Memberi Kesan Kepada Anda?

Peraturan baru bagi masa depan adalah "Apa benda yang boleh terhubung, akan dihubungkan". Banyak contoh dan potensi yang boleh diperolehi daripada situasi ini. Sebagai contohnya, ketika anda dalam perjalanan ke mesyuarat, kereta anda sudah mempunyai akses kepada kalender anda, dan mengetahui jalan pintas paling dekat.

Contoh lain adalah smartwatch di mana ianya boleh mengesan keaktifan, pola pemakanan, pola tidur, tahap stress dan seterusnya berkongsi maklumat tersebut dengan perkakasan lain.



Ini membantu kita untuk lebih memahami dan meningkatkan cara bekerja dan hidup kita.



Jika dilihat pada konteks yang lebih besar, perkembangan teknologi Internet of Things (IoT) merupakan satu komponen yang penting dalam menjadikan bandar pintar menjadi lebih bijak. Contohnya dalam pengurusan sisa buangan.

Realitinya Internet of Things (IoT) membolehkan peluang dan hubungan tanpa had, yang mana mungkin kita belum pernah terfikir sebelum ini.

Cabaran IoT

Data security Issues - Keselamatan merupakan isu besar jika dikaitkan dengan Internet of Things (IoT). Apabila jutaan perkakasan terhubung, apa yang kita boleh lakukan bagi memastikan setiap maklumat adalah selamat?

Big Data Issues - Satu lagi cabaran dalam melaksanakan Internet of Things (IoT) adalah bagaimana sesebuah syarikat boleh menguruskan jumlah data yang sangat banyak.

Sumber : <https://www.cikguhailmi.com/2017/09/apa-itu-internet-of-things-iot.html>

CORONAVIRUS: 6 TIPS FOR WORKING MORE EFFECTIVELY FROM HOME



With the coronavirus (COVID-19) recently classified as a pandemic by the World Health Organisation, and with over 128,000 people infected worldwide (at the time of publishing), many countries are opting to close schools and businesses, in order to reduce 'community spread' of this virus. As a result, schools, government offices, and even businesses, are being closed for several days, or even weeks, in the hope that declining rates of infection would be realised.

However, for many, these closures are not a glorified holiday. The work of an organisation, and even of a country, still needs to get done. So, even if it was not embraced before, many employers are now arranging for their employees to continue working from home. However, although most of us might be thrilled at the prospect of being able to work from home – albeit without the threat of a global pandemic in the mix (!) – like many things, it does take some know-how in order to do it well. Here are six tips when preparing to work from home.

1. BE CLEAR ABOUT THE PERSONAL RESOURCES THAT YOU WILL BE USING AT HOME

In circumstances when remote working is being imposed – such as to lessen the spread of COVID-19, many organisations may not have fully considered plans or the requisite systems already in place to allow ALL of their employees to work from home. As a result, a lot of things are likely to fall through the cracks, and may be the expectation that essentially, the employees will pick up the slack. A big area where such omissions tend to occur is with respect to telecoms and ICT, specifically, phones, computers and the associated software.

For employees who already had been assigned laptop computers, the transition tends to be easier, as they would just use those devices at home. However, for those who work at a desktop computer at the office, there may be an expectation that they will use their home computers when required to telework. Similarly, if employees have not been assigned mobile/cellular phones, are they expected to make – and bear all the costs for – work-related calls on their personal phones?

These are some of the matters that ought to be discussed and clarified before remote work commences, in order to ensure that appropriate arrangements are in place, and to limit the chances of employees feeling as if they have been taken advantage of, and left out of pocket, albeit in challenging circumstances.

2. MAINTAIN REGULAR HOURS

The discipline of not having to bolt out of the door at a particular time, and beat through the traffic, in order to get to work on time, could give way to a more laissez-faire attitude when working from home. Instead of being at your desk by about 8:15 a.m., as you would do normally, with work officially starting at 8:30, at home, you are now clocking it at 10.

One of the keys to working from home successfully is being disciplined: respecting the fact that there are prescribed periods in which you are supposed to be working – unless, of course, other arrangements have been made. Hence, although some flexibility is permissible, even though you might be at home, it is important to still conduct yourself as a professional – even though you might still be in your pyjamas at 10 o' clock in the morning!

3. SET A SCHEDULE, AND STICK TO IT

Recognising that many of us are conditioned to be in the 'work zone' at work, and leave work behind at home, some kind of mental adjustment might be needed when those two worlds collide. At the office, our days might be quite organised, where we know what tasks we have to complete, the meeting we are scheduled to attend, etc. However, when (almost) everyone might be working from home, things might not necessarily go to plan.

Also, if you and your colleagues are teleworking, due to COVID-19, it is likely that schools have also been closed, and your children are at home. In tending to their needs and trying to keep them occupied, your work commitments could suffer – although you are supposed to be on the clock. It is crucial to manage distractions, in order to be truly productive and to be able to show tangible or measurable work-related outputs.

4. SET TARGETS AND GOALS

When working from home, the days can easily meld into each other, and especially when distractions abound, you may realise that you have accomplished very little at the end of a work day. In order to set yourself up for success, it is recommended that you set targets and goals. These targets and goals can be as granular as you need to keep you honest, such as, targets or goals you want to accomplish: within the hour; by the end of the morning; by the end of the day; by the end of the week.

It is important to highlight that unlike when everyone is working at the office, where there may be a lot of seamless collaboration and teamwork, in working from home, there can be a sense that each employee is under their own spotlight. Hence, what you have or have not accomplished, and/or what you have contributed to your team, becomes quite clear, and could affect future performance evaluations.

5. USE ONLINE TOOLS TO MEET AND COLLABORATE

To stave off the isolation that can happen when working from home, especially when one is accustomed to working and sharing space with colleagues, it may be useful ensure that the team remain connected, although everyone might be working remotely.

Platforms such as Slack, Google Chat, Skype, or even WhatsApp, can be used to for group chats, or even to hold internal team briefing and meetings, or even conference calls with clients. Cognisant that one's office might closed for several days, the aim is to still foster a sense of normalcy, and to limit the losses to one's team, and to the organisation, when face-to-face engagement may be limited.

6. MIND THE MUNCHIES!

Finally, with kitchen and the refrigerator so close by when you are at home, you are liable to go rummaging around a lot more often when you feel bored or could do with a break. At the office, snacks and the like might not be as readily available, and so you may be less tempted to eat between meals, or just consume empty calories.

Once again, discipline is necessary. If you are unable to completely resist temptation, you might want to tie your food rewards to work-related targets and goals previously suggested. So for example, by your morning break, you should have accomplished A, B and C, and only then can you have half of the muffin you had been eyeing since breakfast. Hopefully, the last thing you want is to have gained 10 pounds (5 kilogrammes) because you were working from home for just two weeks!

Sumber : <https://www.ict-pulse.com/2020/03/coronavirus-6-tips-working-home/>

Adware, Berbahaya Atau Tidak?

Jika anda melayari mana-mana laman sesawang, anda akan dapati pada laman tersebut akan mengandungi iklan-iklan seperti gambar di sebelah. Iklan-klan yang dipaparkan pula terdiri daripada pelbagai kategori. Iklan kereta, promosi, barangan bayi dan bermacam jenis iklan lagi yang diprogramkan mengikut minat pengguna internet. Pelikkan?

Iklan sememangnya adalah amat tidak asing kepada para pengguna internet. Ini kerana boleh dikatakan hampir setiap hari pengguna internet akan berdepan dengannya. Jadi, apakah sebenarnya iklan-iklan tersebut?



Apa itu *adware*?

Secara ringkasnya, iklan-iklan tersebut merupakan satu bentuk perisian kecil sebahagian daripada perisian hasad (malware) yang dipanggil sebagai *adware*. Fungsi utamanya adalah menayangkan iklan-iklan kepada pengguna internet, sama ada menerusi laman sesawang yang dilayari ataupun aplikasi-aplikasi yang dimuat turun ke dalam peranti anda.



Iklan-iklan yang dipaparkan pula adalah bergantung kepada minat seseorang pelayar internet. Jadi bagaimana ia boleh tahu minat-minat seseorang pengguna?

Adware mempunyai ciri memerhati dan mempelajari tingkah laku seseorang pengguna ketika mereka sedang melayari internet bagi menyasarkan iklan-iklan yang sesuai untuk dipaparkan pada individu tersebut.

Jelas di sini, *adware* direka secara khusus yang menjadikan 'individu' sebagai sasaran dengan satu tujuan utama iaitu untuk memaparkan iklan-iklan untuk muncul pada skrin peranti pintar atau komputer yang sedang individu tersebut gunakan.

Adakah *adware* merbahaya?

Pada dasarnya, *adware* sebenarnya adalah tidak merbahaya kepada sistem operasi peranti pintar dan komputer. Ia hanya sekadar mengganggu kelancaran pengguna melayari laman sesawang. Namun begitu, disebabkan oleh iklan-iklan yang dipaparkan itu, kelancaran atau kepantasan sesebuah laman sesawang akan menjadi perlahan, prestasi peranti dan komputer berkurangan, penggunaan data yang besar atau lebih buruk sehingga mampu mengganggu kestabilan sistem operasi komputer. Lebih parah, *adware* akan mula menjadi amat merbahaya apabila di dalam iklan-iklan tersebut terkandungnya kod tersembunyi yang dimuatkan oleh pembangun *adware* tersebut dengan tujuan mengutip data dan maklumat privasi para pengguna internet tanpa mereka sedari dan menggunakan data-data tersebut bagi tujuan jahat.

Privasi pengguna amat rapuh

Isu keselamatan data dan privasi pengguna yang amat rapuh sebenarnya berpunca daripada sikap pengguna internet itu sendiri. Ini kerana sebahagian besar dari kita amat pantas atau sangat mudah terpengaruh dan klik pada iklan-iklan yang timbul pada sesebuah laman sesawang atau aplikasi. Sekaligus tanpa disedari tindakan mereka itu telah menyebabkan peranti atau komputer yang mereka gunakan secara automatik membuka pintu untuk *adware* merbahaya menjangkiti sistem operasi peranti tersebut.

Terdapat 2 metod utama yang menjadi penyebab kepada peranti jangkiti *adware*:-

Memuat turun aplikasi percuma atau berkongsi fail menerusi aplikasi berasaskan perkongsian fail (P2P)

Aplikasi-aplikasi percuma (freeware) dan berkongsi fail menerusi aplikasi perkongsian fail (shareware) adalah salah satu metod popular yang sering digunakan bagi pembangun menjangkiti peranti atau komputer pengguna dengan *adware* mereka. Ia bertujuan bagi menjana keuntungan menerusi iklan-iklan yang timbul dari aplikasi tersebut.

Laman sesawang

Melayari ke sebuah laman sesawang yang dijangkiti atau dicurigai juga boleh menyebabkan komputer anda dijangkiti adware. Teknik yang dikenali sebagai perampas pelayar (Browser Hijackers) ini sering digunakan oleh penggadam yang mahir. Mereka mengambil peluang daripada kelemahan ciri keselamatan pelayar sesawang dan menggunakan Trojan yang direka khusus untuk memasang adware secara diam-diam ke dalam komputer pengguna internet yang memasuki perangkat mereka. Jadi, apabila komputer atau peranti tersebut telah berjaya dijangkiti, anda akan dapati lebih banyak paparan iklan yang tiada kena mengena dengan minat anda muncul di skrin. Apabila diklik pada iklan itu pula, ia akan mula membawa anda ke laman muka yang meragukan. Dari situlah bermulanya aktiviti mencuri data pengguna oleh penggadam. Kesimpulannya pihak yang menjangkiti peranti pintar atau komputer anda itu sebenarnya adalah diri anda sendiri.

Kesimpulan

Apa yang dapat disimpulkan di sini adalah pengguna internet kini tidak dapat melarikan diri mereka daripada berdepan dengan adware. Ini kerana adware berada di mana-mana sahaja. Kiri kanan atas belakang, ada sahaja adware. Walaupun stor-stor aplikasi mudah alih seperti Google play Store dan App Store dilengkapi dengan ciri keselamatan bagi menghalang adware daripada ditawarkan kepada pengguna mereka, pembangun masih dapat menyelipkan adware ke dalam aplikasi yang dibangunkan mereka. Memang terdapat banyak program aplikasi percuma dan shareware kini akan berhenti memaparkan iklan sebaik sahaja anda telah mendaftar atau memuat turun aplikasi tersebut.

Namaun begitu, sesetengah pembangun menggunakan utiliti pihak ketiga terbina dalam di mana dalam sesetengah kes, utiliti ini boleh kekal dipasang pada komputer anda selepas anda telah mendaftar atau memuat turun sesebuah aplikasi ke dalam peranti. Malah ada pembangun menetapkan, jika anda mengalih keluar komponen perisian iklan yang tersedia dipasang pada aplikasi tersebut, ia boleh menyebabkan aplikasi yang dimuat turun tidak berfungsi. Atau jika anda menggunakan pemalam khas bagi menghalang iklan dari dipaparkan di laman sesawang yang dilayari, anda mungkin tidak dapat mengakses laman sesawang tersebut.


Akhir kata, sentiasalah berhati-hati ketika melayari internet.

Sumber : <https://wiser.my/adware-berbahaya-atau-tidak/>


Cara Menambah “Shortcuts Folder” Pada Menu Tepi “Start Menu”

Kepada anda yang inginkan paparan **Shortcuts** penting agar senang diakses pada PC berikut kami kongsi cara di muka surat seterusnya.


Pertama sekali masuk ke menu **Setting**.




Kemudian pilih menu **Personalization**.



Pada paparan berikut, pilih menu **Start**.




Seterusnya pilih menu “Choose which folders appear on start”



Pada paparan tersebut, pilih mana – mana shortcuts yang anda ingin masukkan pada **Start Menu**.



Selesai, sekarang semua **shortcuts** yang anda inginkan akan dipaparkan seperti berikut.



Itulah sahaja sedikit perkongsian kali ini, semoga bermanfaat.

Sumber : <https://wiser.my/cara-menambah-shortcuts-folder-pada-menu-tepi-start-menu/>